



# KENYATAAN SEBUT HARGA

## SEBUT HARGA CADANGAN KERJA-KERJA PENINGKATAN IMEJ SERTA PENDAWAIAAN SEMULA TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI BENGKEL MARA LINER KAWASAN INDUSTRI MARA (KIM) FASA 1, MUKIM BATU, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

| NO SEBUT HARGA | KOD BIDANG                                | HARGA SENASKAH DOKUMEN | TARIKH LAWATAN TAPAK   | TARIKH BUKA SEBUT HARGA | TARIKH TUTUP SEBUT HARGA |
|----------------|---|------------------------|--|-------------------------|--------------------------|
| MLHQ/2018/13   | CIDB GRED G1<br>KATEGORI<br>KOD B04 & E04 | RM 10.00               | 11/10/2018<br>10.00 PAGI<br>BENGKEL MARA<br>LINER KAWASAN<br>INDUSTRI MARA<br>(KIM) FASA 1,<br>MUKIM BATU,<br>KUALA LUMPUR | 11/10/2018<br>(KHAMIS)  | 18/10/2018<br>(KHAMIS)   |

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan dan simpanan semasa permohonan sebut harga dikemukakan:-
  - Profil Syarikat (SSM, Penyata Bank)
  - Sijil Akuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
  - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB
  - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
  - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
- MLSB berhak menolak permohonan yang pada anggapan MLSB tidak layak.  
**Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**
- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan harga RM10.00 dan diperolehi semasa lawatan tapak (10.00 pagi) di Bengkel MARA Liner Kawasan Industri MARA (KIM) Fasa1, Mukim Batu, Kuala Lumpur. **Wang ini tidak akan dikembalikan.**
- Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.
- MLSB tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran tertinggi atau sebarang tawaran. MLSB berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Lawatan tapak akan diadakan pada 11/10/2018 (Khamis) masa 10.00 pagi bertempat di Bengkel MARA Liner Kawasan Industri MARA (KIM) Fasa 1, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dokumen wajib semasa taklimat tapak :
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dengan STB DAN SPKK
- Sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas
- Sampul surat dan hendaklah dihantar terus ke alamat di bawah:-

### Ketua Pegawai Operasi

Lot 26-G, Lorong Medan Tuanku 1,  
50300 Kuala Lumpur.

**Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari**

- Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima.